



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 21 JANUARI 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Isu salah guna logo halal

KPDN komited selesai isu sandwic secara telus

Putrajaya: Orang ramai diminta tidak membuat spekulasi mengenai isu produk sandwic 'ham and cheese' yang dijual di sebuah premis di Universiti Malaya (UM) bagi memastikan proses siasatan oleh pihak berkuasa tidak terganggu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, menegaskan kementerian komited untuk menyelesaikan isu ini dengan segera dan secara telus.

Beliau berkata, kementerian menyerahkan sepenuhnya kepada pihak bertanggungjawab untuk menjalankan siasatan berkenaan.

Setakat ini, katanya, laporan sampel produk sandwic 'ham and cheese' yang dihantar ke Jabatan Kimia untuk analisis belum diterima.

"Kita serahkan kepada pihak bertanggungjawab untuk menyelesaikan proses ini dan sekiranya ada kes, ia akan dirujuk kepada Peguam Negara untuk tindakan lanjut," katanya pada sidang media sempena Majlis Perhimpunan Bulanan KPDN

Sempena Tahun Baharu 2025, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya, Fuziah Salleh.

Tunggu keputusan laporan

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, dilaporkan turut meminta semua pihak bersabar sehingga keputusan laporan sampel diumumkan oleh KPDN.

Beliau menegaskan proses itu membabitkan analisis yang mendalam dan menyeluruh oleh pelbagai pihak, bukan sahaja Jabatan Kimia.

Armizan berkata, jika keputusan analisis Jabatan Kimia mendapati tiada kesalahan, pihak kementerian akan memaklumkan kepada umum.

Bagaimanapun, katanya, sekiranya terdapat kes, tindakan akan diambil, termasuk pendakwaan berdasarkan undang-undang yang sedia ada.

Dalam perkembangan lain, katanya, KPDN memperkasa Konsep Payung Rahmah MADANI bagi menangani kos sara hidup



Armizan melancarkan Program Servis Ihsan MADANI@PETRONAS Auto Expert pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPDN Sempena Tahun Baharu 2025 di Putrajaya, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

rakyat menerusi pengenalan Servis Ihsan MADANI@PETRONAS AutoExpert (SIM@PAX).

Beliau berkata, SIM@PAX diadakan dengan kerjasama PETRONAS bagi membantu golongan berpendapatan rendah melalui pengurangan kos penyelenggaraan kenderaan.

Program itu menawarkan paket penyelenggaraan kereta di 130 bengkel PETRONAS Auto-

Expert seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

"Pelaksanaan pertama SIM@PAX ini akan bermula 24 hingga 28 Januari ini sempena Sambutan Tahun Baharu Cina di 95 pusat bengkel PETRONAS AutoExpert seluruh negara," katanya.

SIM@PAX menawarkan pengurangan harga minyak pelincir jenis mineral dan semi sin-

tetik pada harga istimewa antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran semasa.

Orang ramai boleh membuat temu janji sebelum hadir ke bengkel PETRONAS AutoExpert melalui sistem Setel.

SIM@PAX akan dilaksanakan pada setiap musim perayaan utama Malaysia bermula tahun ini.

Mangsa tipu pakej umrah disaran fail tuntutan di Tribunal Pengguna

Oleh **AMREE AHMAD**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Mangsa penipuan syarikat pengendali umrah disaran tampil memfailkan tuntutan menerusi Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, TTPM merupakan platform terbaik untuk mangsa memperjuangkan hak mereka.

Katanya, pihak kementerian dan TTPM bersedia membantu mangsa serta memastikan kes tuntutan dapat diselesaikan segera kerana ia membabitkan hak pengguna sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Orang kumpul duit untuk pergi umrah tetapi akhirnya hasrat baik mereka terencat disebabkan oleh penipuan sebegini yang melibatkan pengurusan syarikat umrah.

"Saya mahu TTPM agar dapat mempercepatkan kes mereka ini dan memberikan mesej jelas ba-

hawa pihak KPDN sendiri tidak berkompromi dengan jenayah tersebut," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan amanat pada Majlis Perutusan Hala Tuju Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di sini semalam.

Isu penipuan umrah kembali panas sepanjang minggu lepas dan melibatkan sebuah agensi ibadah umrah yang dikatakan mencecah kerugian jutaan ringgit.

Pemilik syarikat berkenaan dan isterinya kemudian direman selama tiga hari berikutan dakwaan penipuan.

Kata Armizan, isu penipuan umrah antara kes paling tinggi diterima TTPM dari seluruh negara setiap tahun.

"Saya tiada butiran statistik yang lengkap namun ini juga antara kes terbanyak diuruskan tribunal berkenaan sebab jenayah penipuan itu amat serius," katanya.

Ujar Armizan, segala bentuk penipuan termasuk pakej umrah perlu ditangani segera.



ARMIZAN Mohd. Ali ketika berucap pada Majlis Perutusan Hala Tuju Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup 2025 di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

NEGARA »5

Kes tipu umrah paling banyak dilaporkan

KPDN akui penipuan ibadah ke Tanah Suci antara aduan tertinggi dikendalikan Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), sedia bantu mangsa untuk dapatkan pembelaan.

KPDN, Petronas kerjasama tawar servis kereta harga Rahmah

PUTRAJAYA – Pemilik kenderaan boleh menikmati servis pada harga Rahmah di beberapa bengkel di stesen minyak Petronas menerusi kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, menerusi program Servis Ihsan Madani @ Petronas AutoExpert (SIM@PAX) itu, orang ramai boleh menikmati

servis pada harga murah setiap kali musim perayaan.

“Untuk permulaan, sejumlah 95 daripada keseluruhan 130 buah stesen Petronas di seluruh negara terlibat sempena sambutan Tahun Baharu Cina tidak lama lagi,” katanya pada Majlis Perutusan Hala Tuju KPDN 2025 di sini semalam.

Beliau kemudian merasmikan program SIM@PAX yang turut disaksikan Ketua Pegawai Operasi

Petronas Dagangan Berhad, Azureen Azita Abdullah.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, pada peringkat awal, skim tersebut akan berlangsung dari 24 hingga 28 Januari ini sempena perayaan Tahun Baharu Cina.

“Selepas ini pula ia akan diperluaskan lagi merangkumi sambutan Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Deepavali dan Krismas,”

katanya.

Beliau memberitahu, inisiatif tersebut juga akan meliputi Hari Kebangsaan pada 31 Ogos dan melibatkan semua bengkel Petronas AutoExpert di stesen minyak syarikat tersebut.

Pemilik kereta bakal menerima kadar potongan istimewa antara 10 dan 30 peratus berbanding harga pasaran untuk minyak pelincir jenis mineral dan semi sintetik.

“Pakej penyelenggaraan ditawarkan juga lebih rendah daripada kebiasaan dan mereka yang berminat perlu menempah slot servis itu melalui aplikasi Setel Petronas.

“Program terbaharu yang dilancarkan ini merupakan inisiatif di bawah Payung Rahmah dan merupakan antara 14 strategi KPDN sepanjang 2025 bagi membantu rakyat menerusi iltizam pihak industri,” katanya.

Kes tipu umrah paling banyak diterima TTPM

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengakui kes penipuan umrah antara yang tertinggi dilaporkan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, susulan itu, pihaknya meminta mereka yang berdepan kes penipuan umrah agar segera membuat tuntutan kepada tribunal tersebut.

"Saya tiada butiran statistik yang lengkap (jumlah kes tipu umrah), namun ini juga antara kes terbanyak diuruskan tribunal sebab jenayah penipuan itu amat serius," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Perutusan Hala Tuju KPDN 2025 di sini semalam.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, pihaknya memberi jaminan bahawa tribunal tersebut bersedia untuk membantu mangsa yang terjejas.

"Ini juga adalah komitmen KPDN dan saya sendiri mahu memastikan semua kes tuntutan dapat diselesaikan dengan segera kerana ia membabitkan hak pengguna.

"Perkara tersebut diperuntukkan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 jika mangsa itu membuat aduan

“

Perkara tersebut memang diperuntukkan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 jika mangsa itu membuat aduan dianiaya oleh penyedia perkhidmatan.”

dianiaya oleh penyedia perkhidmatan,” katanya.

Pada masa sama, beliau meminta bakal jemaah terkandas supaya segera tampil membuat tuntutan dan meminta mereka tidak perlu malu berbuat demikian.

Tambahnya, apabila timbul isu penipuan umrah dilaporkan media, beliau dapat memahami kesedihan mangsa yang tidak dapat menunaikan ibadah di Tanah Suci.

"Saya mahu pihak TTPM dapat mempercepatkan kes mereka ini dan memberikan mesej jelas bahawa pihak KPDN sendiri tidak berkompromi dengan jenayah tersebut," kata beliau.



ARMIZAN (tengah) pada sidang akhbar selepas Majlis Perutusan Tuju KPDN 2025 di Putrajaya semalam.

GULAI KAMBING HARGA KAYANGAN

KPDN keluar notis bertulis

Alor Setar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengeluarkan notis bertulis (NB) kepada pemilik perniagaan yang tular di media sosial kerana disyaki menjual gulai kambing pada harga tidak munasabah.

Pengarah KPDN Kedah Muhammad Nizam Jamaludin berkata, pihaknya mengesan satu hantaran tular di Facebook mendakwa kedai makan di Changlun menjual gulai kam-

bing harga 'kayangan'.

Beliau berkata, sepasukan pegawai penguat kuasa KPDN Cawangan Kubang Pasu menjalankan pemeriksaan di premis terbabit jam 11 pagi kelmarin dan didapati kedai dimiliki wanita tempatan berusia 40-an itu menyediakan menu yang turut mempamerkan harga.

Menurut Muhammad Nizam, kedai itu diberi NB di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan An-

tipencatutan 2011 serta perlu mengemukakan maklumat kos penyediaan dan jualan gulai kambing itu dalam tempoh enam hari bekerja.

"KPDN memberi amaran kepada mana-mana peniaga supaya tidak sewenang-wenangnya meletakkan harga yang tidak munasabah dan pengguna juga dinasihatkan supaya sentiasa menyemak harga sebelum membuat pembelian," katanya.

SALAH GUNA LOGO HALAL

Usah buat spekulasi: Armizan

Putrajaya: Semua pihak diminta tidak membuat spekulasi berhubung isu penyalahgunaan logo halal membabitkan produk 'ham dan cheese' yang dijual dalam premis di sebuah universiti awam di Kuala Lumpur, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau turut meminta semua pihak supaya memberi ruang serta peluang kepada pihak bertang-

gungjawab untuk membuat siasatan bagi membolehkan siasatan dapat dijalankan secara menyeluruh berlandaskan undang-undang berhubung perkara itu.

"Kita jangan ganggu siasatan, jangan beri tekanan, jangan buat spekulasi. Komitmen kita di KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup) adalah untuk memastikan siasatan dilaksanakan dengan telus," ka-

tanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Perutusan Hala Tuju KPDN di sini, semalam.

Pada 13 Januari lalu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam kenyataan media mengesahkan produk 'ham dan cheese' yang dijual dalam premis di universiti awam itu tidak mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dan syarikat yang menghasilkan produk itu bukan pemegang SPHM.

Mangsa penipuan umrah disaran fail tuntutan

TTPM jadi platform pengguna perjuang hak mereka

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**
PUTRAJAYA

Bakal jemaah umrah yang terkan-das disebabkan syarikat pengendali umrah gagal menerbangkan mereka baru-baru ini disarankan memfailkan tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, TTPM menjadi platform kepada pengguna untuk memperjuangkan hak mereka.

"Kita alu-alukan mereka yang terlibat untuk tampil ke TTPM bagi menangani sebarang bentuk penipuan," katanya me-

nerusi sidang akhbar selepas menyampaikan perutusan hala tuju kementerian bagi tahun 2025 di sini pada Isnin.

Minggu lalu, negara dikejutkan dengan 379 bakal jemaah umrah yang sepatutnya terbang bermula Selasa namun ditunda oleh syarikat berkenaan di saat akhir.

Pemilik syarikat berkenaan dan isterinya ditahan reman selama tiga hari berikutan dakwaan penipuan.

Pengarah Urusan Syarikat Hejira Travel & Tours Holding Sdn Bhd sebelumnya membuat permohonan maaf secara terbuka dan menawarkan tiga penyelesaian termasuk pemulangan 100 peratus pengembalian wang jemaah.

Difahamkan setakat ini hanya 20 individu yang menerima pemulangan wang.

Ujar Armizan, segala bentuk penipuan perlu ditangani.

"Orang kumpul duit untuk pergi umrah



ARMIZAN

tetapi akhirnya hasrat baik mereka terencat disebabkan oleh perkara tertentu yang melibatkan pengurusan syarikat umrah," katanya.

Sementara itu dalam perkembangan lain, beliau berkata, semua pihak perlu memberi ruang kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan berhubung penyalahgunaan logo halal membabitkan produk sandwich di salah satu premis

rangkaian kedai runcit.

Tegas Armizan, segala siasatan perlu mengikut proses sepatutnya.

"Jangan ganggu siasatan, jangan beri tekanan dan jangan buat spekulasi.

"Biarkan siasatan mengenai produk sandwich ini dilakukan mengikut undang-undang," katanya.

Menurutnya, tindakan undang-undang merupakan platform terbaik selepas siasatan selesai.

FOTO: IHSAN KPDN



Sein Kyi Moe (dua dari kanan) dan Tun Tun Kyaing (kiri) dipenjara enam bulan atas pertuduhan menyimpan LPG tanpa lesen.

2 warga Myanmar dijel simpan lebih 1,000kg LPG

SEREMBAN - Dua lelaki warga Myanmar dipenjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas pertuduhan menyimpan barang kawalan iaitu gas petroleum cecair (LPG) tanpa lesen, tahun lalu.

Hakim, Muhamad Kamil Nizam menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, Sein Kyi Moe, 30, dan Tun Tun Kyaing, 24, selepas kedua-duanya mengaku bersalah atas pertuduhan dibacakan.

Mahkamah memerintahkan hukuman berkenaan bermula daripada tarikh tertuduh ditangkap 4 September tahun lalu.

Mengikut pertuduhan, tertuduh bersama-sama dua orang yang masih bebas didapati telah

ada dalam jagaan barang kawalan berjadual iaitu LPG berjumlah 1122.24 kilogram (kg)

Kesalahan berkenaan dilakukan pada 4 September 2024 kira-kira jam 11.45 malam di Green Technology Park, Seremban 2.

Berikutan itu, tertuduh didakwa telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1), akta yang sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Nor Alimah Mohd Sanusi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

When comparing prices of goods

Armizan tells Bung to be realistic

PAPAR: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is focusing on resolving the issue of higher fresh chicken prices in Sabah and Sarawak compared to Peninsular Malaysia, says Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said his ministry was collaborating with Universiti Malaysia Sabah (UMS) and Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) on the Sabah, Sarawak, and Labuan Price Stabilisation Study, which included fresh chicken prices. The findings are expected to be presented this month.

He urged all parties, particularly political leaders, to refrain from making baseless claims and instead channel any information regarding chicken prices to the ministry to facilitate thorough investigations.

"If there is information about prices in a certain area, we can investigate within an

hour. If profiteering elements are identified, we will take action. However, the price difference between Sabah, Sarawak, and Peninsular Malaysia is not a new issue—it has existed for a long time.

"We are not in denial about this issue. The focus is on finding solutions. As head of KPDN, I want effective long-term solutions based on data-driven and in-depth studies," he said.

Lamag Assemblyman Datuk Seri Bung Moktar Radin, who is also Sabah Barisan Nasional (BN) chairman, reportedly urged the Sabah government to address the high prices of food items, particularly fresh chicken.

Bung Moktar claimed fresh chicken in Sabah cost between RM12 and RM16.50 per kg, compared to RM7 to RM9 per kg in Peninsular Malaysia.

Armizan noted that resolving the issue required collaboration between KPDN and other ministries, such as the Ministry of Agriculture and Food Security, to ensure a stable supply of essential food items.

He highlighted that the government had previously allocated RM300 million in subsidies to stabilise the price of imported white rice in Sabah and Sarawak, making it cheaper compared to Peninsular Malaysia.

He said the government had also maintained diesel subsidies in Sabah, Sarawak, and Labuan, enabling the public to purchase diesel at lower prices than in the Peninsular.

"The government has taken action. It is incorrect to say otherwise. If specific price issues are identified, let us know where, and we will send enforcement officers to investigate," he said. — Bernama



Armizan



Bung

Discounted engine oils for low-income groups

PUTRAJAYA: The Servis Ihsan MADANI@Petronas AutoExpert (SIM@PAX) pilot project involving 95 PAX service centres nationwide will kick off this Friday, Jan 24 to 28.

Minister of Domestic Trade and Cost of Living Datuk Armizan Mohd Ali said that this new initiative under the MADANI Rahmah Umbrella allows low-income groups to enjoy special discounts of between 10 and 30 per cent on the purchase of mineral and semi-synthetic engine oils at all PAX outlets participating in the programme.

He said that the implementation of the SIM@PAX pilot project is in conjunction with the Chinese New Year (CNY) celebration and will continue during all major festive seasons in Malaysia, including Aidilfitri, Aidiladha, Kaamatan Festival, Gawai Day, Deepavali, Christmas, and National Day.

"This programme aims to benefit and help the low-income groups in facing the rising cost of living by reducing their vehicle maintenance costs," he told a press conference after delivering the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) New Year's Message and Direction for 2025, on Monday.

Armizan said the targetted groups can set an appointment through the mobile Setel app before heading to any participating PAX centre to enjoy the service. — Bernama

Projek rintis 'Servis Ihsan@Petronas AutoExpert' bermula Jumaat: Armizan

Golongan berpendapatan rendah boleh dapatkan minyak pelincir pada harga istimewa

PUTRAJAYA: Projek rintis 'Servis Ihsan MADANI@Petronas AutoExpert (SIM@PAX)' melibatkan 95 PAX di seluruh negara akan bermula 24 hingga 28 Jan ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

projek rintis SIM@PAX itu bersempena sambutan Tahun Baharu Cina dan akan diteruskan pada setiap sambutan perayaan utama di Malaysia termasuk Aidilfitri, Aidiladha, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Deepavali, Krismas dan Hari Kebangsaan.

"Program ini menyasarkan

“Program ini menyasarkan pemberian manfaat kepada golongan berpendapatan rendah dalam mendepani cabaran kos sara hidup melalui pengurangan kos penyelenggaraan kenderaan.”

Datuk Armizan Mohd Ali

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

Armizan berkata inisiatif baharu di bawah Payung Rahmah MADANI itu membolehkan golongan pendapatan rendah menikmati harga istimewa antara 10 dan 30 peratus bagi pembelian minyak pelincir jenis mineral serta semi sintetik di semua PAX yang menyertai program itu.

Beliau berkata pelaksanaan

pemberian manfaat kepada golongan berpendapatan rendah dalam mendepani cabaran kos sara hidup melalui pengurangan kos penyelenggaraan kenderaan,” katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Perutusan Hala Tuju KPDN di sini semalam.

Armizan berkata golongan sasaran boleh membuat janji



PELANCARAN: Armizan (tiga, kiri) menyempurnakan acara peluncuran Program Servis Ihsan MADANI@Petronas AutoExpert pada Majlis Perutusan Hala Tuju Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup 2025 di Putrajaya, semalam. — Gambar Bernama

temusebelum hadir ke mana-mana PAX melalui aplikasi Setel.

Terdahulu ketika berucap pada majlis berkenaan, Armizan berkata Hala Tuju 2025 KPDN adalah berdasarkan kepada empat fokus yang diakronimkan sebagai K.P.D.N iaitu

Ketangkasan Penguatkuasaan, Pemacu Ekonomi Domestik, Daya Upaya Pengguna dan Advokasi Kepenggunaan dan NACCOL (Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara).

Bagi memastikan K.P.D.N direalisasikan secara strate-

gik, beliau berkata empat fokus itu akan digerakkan melalui empat teras pemacu dikenali sebagai K.I.T.A.

K.I.T.A ialah Keterangan-kuman Kerajaan dan Kece-merlangan, Iltizam Industri, Tekad Tatakelola serta Aspirasi dan Partipasi Awam. — Bernama

Salah guna logo halal: Jangan buat spekulasi, beri ruang proses siasatan

PUTRAJAYA: Semua pihak diminta tidak membuat spekulasi berhubung isu penyalahgunaan logo halal membabitkan produk 'ham dan cheese' yang dijual dalam premis di sebuah universiti awam di Kuala Lumpur, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau turut meminta semua pihak agar memberi ruang serta peluang kepada pihak bertanggungjawab untuk membuat siasatan bagi membolehkan siasatan dapat dijalankan secara menyeluruh berlandaskan undang-undang.

"Kita jangan ganggu siasatan, jangan beri tekanan, jangan buat spekulasi. Komitmen kita di KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup) adalah untuk memastikan siasatan dilaksanakan dengan telus ...," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Perutusan Hala Tuju KPDN di sini semalam.

Pada 13 Jan lepas, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam kenyataan media mengesahkan produk 'ham dan cheese' yang dijual dalam premis di universiti awam itu tidak mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dan syarikat yang menghasilkan produk itu bukan pemegang SPHM.

Mengenai keputusan ujian kimia ke atas sampel produk 'ham dan cheese' yang dijalankan Jabatan Kimia,

Armizan berkata setakat ini pihaknya belum menerima keputusan berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Armizan menasihatkan mana-mana pihak yang menjadi mangsa penipuan syarikat pengendali umrah untuk tampil membuat aduan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

"Itu satu bentuk penipuan yang kita tangani kerana orang mengumpul duit untuk pergi menunaikan ibadah umrah tetapi akhirnya hasrat baik mereka tergendala disebabkan oleh perkara-perkara tertentu seperti syarikat umrah ini," katanya.

Baru-baru ini, sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Selangor menjalankan pemeriksaan di pejabat syarikat pelancongan di Sepang susulan kegagalan syarikat itu menerbangkan lebih 300 jemaah umrah ke Tanah Suci.

Siasatan awal mendapati syarikat terbabit mula menjalankan perniagaan sejak 2022 dan beroperasi dari premis tiga tingkat di Sepang sejak Oktober tahun lepas.

Kelmarin, Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata hasil siasatan mendapati pemilik syarikat yang didakwa melakukan penipuan pakej umrah membabitkan kerugian RM2.1 juta itu mempunyai rekod lampau membabitkan kes penipuan berkaitan pelaburan di Johor tahun lepas, yang masih dalam siasatan. — Bernama

火腿三明治風波



阿米占（左三）为昌明@国油AutoExpert关怀服务主持推介礼。左二为傅芝雅；右二为阿祖琳。（马新社图）

（布城20日讯）国内贸易及生活费部长拿督阿米占说，各界需给予执法单位空间，对马来亚大学2家24小时零售商店售卖“火腿芝士三明治”清真标志存疑事件展开调查。

“不要干扰调查，不要施加压力，也不要揣测。”

“让针对三明治事件的调查工作依法进行。”

调查遵循适当程序

他今日发表该部2025年的方向后在记者会上强调，所有调查都需遵循适当的程序。

阿米占说，调查结束后，采取法律行动是最佳的平台。

“如果案件成立，检控方会提控，因为某些案件在提控上庭时会出现技术问题。”

他解释，该部尚未收到送往国家化验局的火腿芝士三明治产品样品的检验结果。

“我还没接获（检验结果），也没有必要交给我做决定。”

“我认为我们需要给予空间，以便能全面进行调查，直至调查工作完成。”

上周，被指滥用清真标志的火腿芝士三明治样本被送往实验室进行分析，以获得脱氧核糖核酸（DNA）报告，鉴定该食品是否含有猪只的脱氧核糖核酸。

马大此前宣布，该校2家24小时零售商店被发现有标签为“火腿芝士三明治”的产品清真标志存疑，因此校方已关闭相关商店，大马伊斯兰发展局已收到相关投诉，并迅速展开行动。

国内贸易及生活费部随后证实，相关面包厂的清真认证早已过期，涉嫌违反2011年商品标签法令（清真定义）第4（1）条文及第8（a）条文。

另一方面，阿米占呼吁遭旅行社诈骗而无法如期飞往麦加朝圣的受害者，向马来西亚消费者索偿仲裁庭提出投诉。

他说，消费者索偿仲裁庭是消费

者捍卫自身权利的平台。

阿米占说，任何形式的诈骗都需要妥善应对。

“人们辛辛苦苦存钱，以实现朝圣的心愿，但却因为一些朝圣公司的管理问题而受挫。”

上周，379人因遭旅行社诈骗而无法如期飞往麦加朝圣，涉案公司持有者及其妻子因涉嫌诈骗，遭扣留3天。

24至28日

AutoExpert关怀服务

有关公司的董事经理此前已公开道歉，并提出三项解决方案，包括全额退款，但据了解，目前只有20人收到退款。

另外，阿米占说，首次落实的昌明@国油AutoExpert关怀服务（SIM@PAX）将在1月24至28日进行，配合农历新年的庆祝活动，在全国95家国油AutoExpert维修中心展开。

他说，这项爱心昌明伞下的新措施，让低收入群体享有矿物和半合成润滑油的特价折扣，价格比当前市场价格低10%至30%。

他说，该计划将延续至每个国内主要节庆，包括开斋节、哈芝节、沙巴和砂拉越丰收节、屠妖节、圣诞节和国庆日。

他说，这是一项与国油公司的合作倡议，旨在透过降低汽车维护成本，协助低收入群体。

该计划提供汽车维护配套，可在全国130家国油AutoExpert维修中心使用，包括沙巴和砂拉越的分店。

民众可通过Setel应用程序预约后，前往国油AutoExpert维修中心。

内贸部今年专注4大重点

较早前，阿米占致词时说，内贸部的2025年方向专注于4大重点，即执法敏捷、驱动国内经济、消费者赋权和倡导，以及国家生活成本行动理事会。

出席者包括内贸部副部长傅芝雅和国油贸易公司首席营运员阿祖琳。

給時間執法單位調查
阿米占：勿干擾勿施壓勿揣測



阿米占：確保調查透明化 不干擾**不施壓**不揣測

（布城20日讯）国内贸易与生活成本部长拿督阿米占说，各造不要就近期在马大校园内贩售“火腿芝士三文治”的产品，滥用清真标志，作出任何揣测。

他呼吁各方，给予相关机构足够时间和机会，让负责单位能依法展开全面调查。

“我们不应干扰调查、不应施加压力，也不应作出揣测。我们（内贸部）承诺确保调查透明进行……。”

未收到檢測結果

阿米占今日出席内贸部施政方针宣布仪式后，在记者会这么说。

针对国家化验局对该产品展开的检验测试一事，阿米占说，目前仍未收到检测结果。

另外，阿米占也说，所有遭受旅行社欺诈的朝圣受害者，可向大马消费人仲裁庭提出索

赔。

“我们正在处理这类诈骗案，因有些人辛苦存钱，就是准备履行朝圣义务，结果因不良旅行社等问题，而导致行程受阻。”

警方早前在旅行社，无法如期安排航班和旅程让朝圣者前往麦加朝圣一案，共接获包括旅游、艺术和文化部在内的31宗投报，涉及损失金额高达210万令吉。

警方共接获7宗涉及379名受害者有关朝圣旅游配套的投报，并已援引刑事法典420条文调查此案，且也逮捕了一对本地夫妻，即该旅游公司的2名负责人助查。

旅游部也著手调查，这家被指未能于1月14日，按计划安排朝圣者前往朝圣的合法旅游公司，并会对任何违反1992年旅游业法令行为，采取严厉对付行动。

阿米占：依法調查 各界勿干擾也別揣測



（布城20日讯）国内贸易及生活费部长拿督阿米占表示，各界需给予执法单位空间，对马来亚大学两家24小时零售概念店售卖“火腿芝士三明治”清真标志存疑事件展开调查工作。

他今日发表该部2025年的方向后的记者会上提到，请不要干扰调查，不要施加压力，也不要揣测。针对三明治事件的调查工作都依法进行。所有调查都需遵循适当的程序。

他声称，调查结束后，采取法律

行动是最佳平台。若案件成立，检控方会提控，因为某些案件在提控上庭时会出现技术问题。

需给予执法单位空间

他解释，该部尚未收到送往国家化验局的火腿芝士三明治产品样品的检验结果。

“我认为我们需给予空间，以便能全面进行调查，直至调查工作完成。”

此前，被指滥用清真标志的火腿芝士三明治样本已被送往实验室进行分析，以获取脱氧核糖核酸（DNA）报告，鉴定该食品是否含有猪只的脱氧核糖核酸。

马大早前宣布，该校2家24小时零售商店被发现，有标签为“火腿芝士三明治”的产品清真标志存疑，因此校方已关闭两店，大马伊斯兰

发展局也接到投诉，并迅速展开行动。

国内贸易及生活费部随后证实，面包厂的清真认证已逾期，涉嫌违反2011年商品标签通令（清真定义）第4（1）条文及第8（a）条文。

较早前，阿米占在致词时则提到，该部的2025年方向专注于4大重点（缩写为K.P.D.N.），即执法敏捷、驱动国内经济、消费者赋权和倡导，及国家生活成本行动理事会。

他声称，为确保上述重点能策略性地实现，将通过4个驱动核心推动，即政府包容性与卓越、行业承诺、治理决心和民众愿景与参与。

出席记者会的尚包括内贸部副部长傅芝雅和国油贸易公司（PDB）的首席营运员阿祖琳。（TKM）

餐飲業新年若調漲服務費 內貿部促消費者主動投訴

(吉隆坡20日讯) 国内贸易及生活成本部强调，餐饮业不应该在农历新年期间调涨服务费，而该部执法组也将传召有关被指在新年期间公然调涨服务费的餐馆，以听取该餐馆业者的解释。

“内贸部已通过执法组采取行动，追查举报的相关方，并将传召有关餐厅会谈，以便要求对方说明调涨或更改服务费的原因。”

内贸部发文告说，内贸部将继续在餐厅和社交媒体平台上进行监控，以寻找与此问题相关的任何投诉。

“事实上，业者不应该调涨服务费，（调涨服务费）这是基于什么原因？”

内贸部也说，若发现任何业者调涨价格和出现不合理牟取暴利的行为，该部将援引2011年价格管制及反暴利法令采取行动。

“通过此法令可对任何通过提高价格、在商品或服务价格上牟取暴利的行为展开调查。一旦罪名成立，有关公司



■ 内贸部通过官网公布投诉管道，以便消费者可依循这些管道举报牟取暴利的商家。

可被罚款不超过50万令吉，而重犯者则可能被罚款不超过100万令吉。”

“个人罚款则不超过10万令吉或监禁不超过3年，或两者兼施，至于重犯者则可能被罚款不超过25万令吉或监禁不超过5年，或两者兼施。”

内贸部也提醒消费者主动向该部作出投诉，但截至目前，该部仍未接到消费者针对有关服务费上涨的投诉。

消费者的投诉渠道为WhatsApp（手机号码019-848 8000）、内贸部投诉官网（<http://eaduan.kpdn.gov.my>）、热线1-800-886-800，以及手机应用程序Ez ADU KPDN。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 JANUARI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
21-Jan	Servis kenderaan lebih murah menerusi MADANI SIM@PAX	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1351530/servis-kenderaan-lebih-murah-menerusi-madani-simpax	BERITA HARIAN
21-Jan	KPDN perkenal Servis Ihsan Madani@Petronas AutoExpert (SIM@PAX)	https://malaysiagazette.com/2025/01/20/kpdn-perkenal-servis-ihsan-madanipetronas-autoexpert	MALAYSIA GAZETTE
21-Jan	Projek Rintis 'Servis Ihsan@Petronas AutoExpert' Bermula Jumaat - Armizan	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2384640	BERNAMA
21-Jan	SIM@PAX pilot project to kick off Friday - Armizan	https://thesun.my/malaysia-news/sim-pax-pilot-project-to-kick-off-friday-armizan-HC13556144	THE SUN
21-Jan	Domestic Trade Ministry launches car lubricant discount initiative	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/20/domestic-trade-ministry-launches-car-lubricant-discount-initiative	THE STAR
21-Jan	KPDN rolls out car lubricant discount programme for CNY	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1163597/kpdn-rolls-out-car-lubricant-discount-programme-cny	NEW STRAITS TIMES
21-Jan	Bakal jemaah umrah terkandas disaran fail tuntutan di tribunal	https://www.sinarharian.com.my/article/708201/berita/bakal-jemaah-umrah-terkandas-disaran-fail-tuntutan-di-tribunal	SINAR HARIAN
21-Jan	Kes tipu umrah paling banyak diterima Tribunal Tuntutan Pengguna	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/kes-tipu-umrah-paling-banyak-diterima-tribunal-tuntutan-pengguna	UTUSAN MALAYSIA
21-Jan	Kes tipu umrah paling banyak dilapor di Tribunal Tuntutan Pengguna	https://www.kosmo.com.my/2025/01/20/kes-tipu-umrah-paling-banyak-dilapor-di-tribunal-tuntutan-pengguna/#google_vignette	KOSMO

21-Jan	Mangsa penipuan umrah disaran fail tuntutan di tribunal - Armizan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-penipuan-umrah-disaran-fail-tuntutan-di-tribunal-armizan-505293	ASTRO AWANI
21-Jan	Mangsa penipuan umrah disaran failkan tuntutan di tribunal	https://malaysiagazette.com/2025/01/20/mangsa-penipuan-umrah-disaran-failkan-tuntutan-di-tribunal/	MALAYSIA GAZETTE
21-Jan	KPDN advises victims of umrah scams to come forward	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1163563/kpdn-advises-victims-umrah-scams-come-forward	NEW STRAITS TIMES
21-Jan	Misuse of halal logo: Do not speculate, let investigation be completed - Armizan	https://thesun.my/malaysia-news/misuse-of-halal-logo-do-not-speculate-let-investigation-be-completed-armizan-FC13555909	THE SUN
21-Jan	'Jangan ganggu siasatan, jangan beri tekanan, jangan buat spekulasi'	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1178657/jangan-ganggu-siasatan-jangan-beri-tekanan-jangan-buat-spekulasi	HARIAN METRO
21-Jan	Isu sandwic ham: Henti spekulasi, jangan beri tekanan - Armizan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-sandwic-ham-henti-spekulasi-jangan-beri-tekanan-armizan-505288	ASTRO AWANI
21-Jan	Isu sandwic 'ham': Beri ruang pihak berkuasa siasat - KPDN	https://www.sinarharian.com.my/article/708209/berita/nasional/isu-sandwic-ham-beri-ruang-pihak-berkuasa-siasat---kpdn	SINAR HARIAN
21-Jan	Salah guna logo halal: Jangan buat spekulasi, beri ruang proses siasatan	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/20/salah-guna-logo-halal-jangan-buat-spekulasi-beri-ruang-proses-siasatan	UTUSAN BORNEO
21-Jan	Armizan: Let 'ham and cheese' sandwich investigation run its course without speculation or interference	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/20/armizan-let-ham-and-cheese-sandwich-investigation-run-its-course-without-speculation-or-interference/163915	MALAY MAIL
21-Jan	Jangan beri tekanan siasatan sandwic 'ham dan cheese' – Armizan	https://malaysiagazette.com/2025/01/20/jangan-beri-tekanan-siasatan-sandwic-ham-dan-cheese-armizan/	MALAYSIA GAZETTE

21-Jan	Isu sandwic: KPDN pastikan proses siasatan telus	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/isu-sandwic-kpdn-pastikan-proses-siasatan-telus/	UTUSAN MALAYSIA
21-Jan	Enforcement officers praised for highlighting dangers of 'crystal balls'	https://www.nst.com.my/news/nst-viral/2025/01/1163519/nstviral-enforcement-officers-praised-highlighting-dangers-crystal	NEW STRAITS TIMES
21-Jan	elaki Myanmar dipenjara enam bulan simpan LPG tanpa lesen	https://www.sinarharian.com.my/article/708207/berita/semasa/lelaki-myanmar-dipenjara-enam-bulan-simpan-lpg-tanpa-lesen	SINAR HARIAN
21-Jan	2 warga Myanmar dipenjara, simpan lebih 1,000 kg gas LPG	https://www.buletintv3.my/mahkamah/2-warga-myanmar-dipenjara-simpan-lebih-1000kg-gas-lpg/	BULETIN TV3
21-Jan	Kedai Gulai Kambing Harga Kayangan	https://malaysiagazette.com/2025/01/20/kedai-gulai-kambing-harga-kayangan-mgflash/	MALAYSIA GAZETTE
21-Jan	Mutton to see here? Pricey curry lands Kedah trader in trouble with Domestic Trade Ministry	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/20/mutton-to-see-here-pricey-curry-lands-kedah-trader-in-trouble-with-domestic-trade-ministry/163865	MALAY MAIL
21-Jan	Mutton to see here? Pricey curry lands Kedah trader in trouble with Domestic Trade Ministry	https://www.dailyexpress.com.my/news/250515/mutton-to-see-here-pricey-curry-lands-kedah-trader-in-trouble-with-domestic-trade-ministry/	DAILY EXPRESS
21-Jan	KPDN issues notices to trader selling mutton curry at exhorbitant prices	https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-issues-notices-to-trader-selling-mutton-curry-at-exhorbitant-prices-NC13555228	THE SUN
21-Jan	Musim perayaan: Diskaun servis kereta hingga 30 peratus di Petronas AutoExpert - Armizan	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/musim-perayaan-diskaun-servis-kereta-hingga-30-peratus-di-petronas-autoexpert-armizan-505340	ASTRO AWANI
21-Jan	SIM@PAX Tawar Servis Kenderaan Dengan Harga Rahmah	https://malaysiagazette.com/2025/01/20/simpax-tawar-servis-kenderaan-dengan-harga-rahmah/	MALAYSIA GAZETTE

21-Jan	KPDN Lancar Program SIM@PAX, Tawar Servis Kenderaan Serendah RM99	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-lancar-program-sim-pax-tawar-servis-kenderaan-serendah-rm99	BERITA RTM
21-Jan	KPDN kerjasama Petronas tawar servis kenderaan harga Rahmah sempena perayaan	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/kpdn-kerjasama-petronas-tawar-servis-kenderaan-harga-rahmah-sempena-perayaan/	UTUSAN MALAYSIA
21-Jan	Mangsa Penipuan Umrah Diminta Tampil Ke Tribunal Tuntutan Pengguna	https://malaysiagazette.com/2025/01/20/mangsa-penipuan-umrah-diminta-tampil-ke-tribunal-tuntutan-pengguna/	MALAYSIA GAZETTE
21-Jan	Tipu umrah: Mangsa disaran 'heret' penipu syarikat ke TTPM	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tipu-umrah-mangsa-disaran-heret-penipu-syarikat-ke-ttpm	BERITA RTM
21-Jan	KPDN seru semua pihak tidak cetus spekulasi isu sandwich	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-seru-semua-pihak-tidak-cetus-spekulasi-isu-sandwich	BERITA RTM
21-Jan	Salah Guna Logo Halal: Jangan Buat Spekulasi, Beri Ruang Proses Siasatan - Armizan	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2384680	BERNAMA
21-Jan	Jangan buat spekulasi salah guna logo halal, beri ruang proses siasatan	https://selangorkini.my/2025/01/jangan-buat-spekulasi-salah-guna-logo-halal-beri-ruang-proses-siasatan/	SELANGOR KINI